

ACTOS TABLET®

Pioglitazone hydrochloride (15mg, 30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Actos*
2. Bagaimana *Actos* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Actos*
4. Cara menggunakan *Actos*
5. Semasa menggunakan *Actos*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Actos*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan *Actos*

Actos digunakan sebagai tambahan kepada diet dan senanam untuk membantu kawalan gula dalam darah untuk pesakit yang menghidapi penyakit kencing manis jenis 2.

Bagaimana *Actos* berfungsi

Actos adalah agen antidiabetik thiazolidinedione yang berfungsi untuk membantu kawalan gula dalam darah dengan mengurangkan rintangan insulin.

Sebelum menggunakan *Actos*

- Bila tidak boleh menggunakan

- a) Hipersensitif kepada pioglitazone atau kepada apa-apa eksipien tablet.
- b) Pernah mengalami kegagalan jantung atau sejarah kegagalan jantung (NYHA peringkat I hingga IV)
- c) Pesakit gangguan hepar
- d) Ibu yang menyusukan anak
- e) Pesakit diabetes jenis 1

- Sebelum mula menggunakan *Actos*

Anda mesti menjalani ujian darah untuk fungsi hati sebelum memulakan terapi, dan selepas itu ujian secara berkala bagi setiap keputusan klinikal daripada profesional penjagaan kesihatan. Berbincang dengan doktor jika anda hamil.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Actos boleh diberikan secara bersama dengan:

- a) Kontraseptif oral
- b) Fexofenadine HCl
- c) Glipizide
- d) Digoxin
- e) Warfarin
- f) Metformin
- g) Midazolam
- h) Ranitidine HCl
- i) Nifedipine ER
- j) Ketoconazole
- k) Atorvastatin Calcium
- l) Theophylline
- m) Cytochrome P450

Beritahu doktor yang anda sedang mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- a) Ubat yang mengandungi insulin
- b) Ubat yang mengandungi agen hipoglisemik oral

Ini kerana gabungan terapi dengan salah satu ubat di atas boleh menyebabkan risiko hipoglisemia.

Cara menggunakan *Actos*

- Berapa banyak harus digunakan

Anda boleh mula dengan 15mg atau 30mg sekali sehari. Dos boleh ditambah dengan pertambahan sehingga 45mg sekali sehari.

Kegunaan pada orang tua, penyesuaian dos tidak diperlukan pada orang tua.

Kegunaan pada kanak-kanak, *Actos* tidak isyorkan pada pesakit di bawah umur 18 tahun.

Kegunaan pada fungsi renal yang terganggu, penyesuaian dos tidak diperlukan.

Kegunaan semasa hamil, tiada kajian yang cukup dan terkawal pada wanita hamil. Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil *Actos*.

- Bila perlu digunakan

Actos perlu diambil secara oral, sekali sehari dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, tinggalkan dos tersebut. Ambil dos berikutnya seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Berbincang dengan doktor anda jika berlaku dos lebih. Rawatan sokongan yang sesuai hendaklah dimulakan berdasarkan tanda dan gejala klinikal pesakit.

Semasa menggunakan *Actos*

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Jalani ujian glukosa darah dan hemoglobin terglikosil secara tetap. Dalam tempoh stres seperti demam, trauma, jangkitan atau pembedahan, keperluan ubat mungkin berubah dan pesakit hendaklah diingatkan supaya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera.
- Jika anda mengalami pertambahan berat badan yang mendadak dan luar biasa atau edema atau mengalami sesak nafas atau gejala lain bagi kegagalan jantung semasa mengambil *Actos*, anda perlu melaporkan gejala ini dengan segera kepada doktor.
- Anda perlu mendapatkan nasihat perubatan dengan segera jika berlaku loya, muntah, sakit abdomen, lesu, anoreksia atau air kencing yang gelap warnanya yang tidak dapat dijelaskan.

ACTOS TABLET®

Pioglitazone hydrochloride (15mg, 30mg)

- Pesakit boleh mengalami risiko yang lebih tinggi untuk hamil semasa mengambil *Actos*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi *Actos* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Actos boleh menyebabkan retensi bendalir. Retensi bendalir boleh mengakibatkan atau memburukkan lagi kegagalan jantung. Anda perlu berbincang dengan doktor jika berlaku apa-apa kemerosotan dalam status jantung.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh memberikan kesan sampingan. Anda mungkin perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami beberapa kesan sampingan.

Kesan sampingan disenaraikan seperti di bawah:

- Jangkitan salur pernafasan atas
- Sakit kepala
- Sinusitis (Radang pada sinus hidung)
- Mialgia (kesakitan pada otot)
- Gangguan gigi
- Diabetes melitus yang semakin teruk
- Faringitis (radang pada bahagian salur makanan yg terletak di antara mulut dan esofagus.)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to*

Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Actos

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Actos ialah tablet putih hingga kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Pioglitazone hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Purified water, magnesium stearate, hydroxypropylcellulose, carmellose calcium, lactose hydrate

- Nombor MAL:

MAL11100026ACZ

MAL20051431ACZ

Pengilang

Bora Pharmaceutical Laboratories Inc.

No. 1, Kedong 3rd Rd., Hsinchu Science Park, Zhunan Township, Miaoli County, Taiwan, R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH MALAYSIA SDN. BHD.

B-11-01, The Ascent, Paradigm, No. 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20 May 2025

Nombor Siri

NPRA (R1/5) 20052025/080